

Headline	5 fokus, 16 strategi, 57 pelan tindakan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	1,2	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	1066 cm ²
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael	AdValue	RM 36,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 110,238



DASAR PERUMAHAN NEGARA

KEDIAMAN BERMUTU UNTUK SEMUA

Kerajaan semalam mengumumkan satu lagi langkah membela rakyat dengan menggariskan beberapa spesifikasi dan panduan perumahan kepada pelbagai pihak, termasuk pemaju rumah mampu milik

Semua projek baharu rumah awam dan swasta akan diwajibkan mendapat Sijil Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan Bangunan (QLASSIC), selain memastikan peralihan sistem Jual-Kemudian-Bina (JKB) kepada Bina-Kemudian-Jual (BKJ)

→ Ms.2, 3

Headline	5 fokus, 16 strategi, 57 pelan tindakan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Jan 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	1,2	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	1066 cm ²
Journalist	Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael	AdValue	RM 36,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 110,238

DASAR PERUMAHAN NEGARA 2018-2025 DILANCAR

5 fokus, 16 strategi, 57 pelan tindakan

➔ DRN mampu selesai isu ketidakmampuan rakyat beli kediaman

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim dan Ahmad Suhael Adnan**
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025 dilancarkan semalam, untuk menyelesaikan isu penawaran dan permintaan perumahan yang tidak seimbang serta ketidakmampuan rakyat membeli rumah

pada harga pasaran.

Dasar itu juga bermatlamat mengatasi kelemahan industri perumahan ketika ini yang tidak berinovasi, selain tiada sistem bersepadu untuk memastikan penawaran dan permintaan adalah sepadan.

Untuk mencapai matlamat itu dalam tempoh tujuh tahun lagi, DRN setebal 162 muka surat menggariskan lima fokus, 16 strategi dan 57 pelan tindakan.

Lima fokus itu ialah membina rumah berkualiti, menambah baik aksesibiliti dan tahap kemampuan rakyat memiliki rumah, kejiranan berkualiti, koordinasi antara perumahan dan pembangunan pengangkutan serta memperkukuh institusi berkaitan mencapai matlamat dasar berkenaan.

Dasar itu dirangka Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selepas mendapati pe-

nawaran rumah di bandar lebih menjurus kepada perumahan kos tinggi, sedangkan permintaan lebih menjurus ke arah rumah kos rendah dan mampu milik.

Kajian turut mendapati kebanyakan rumah di negara ini masih dikategorikan sebagai sangat tidak mampu dimiliki, dengan harga ditawarkan pula semakin meningkat.

DRN yang diumumkan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin juga menekankan dua subdasar iaitu Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) dan pembangunan hartanah swasta.

Lebih sistematik

ia juga berfungsi sebagai panduan pembangunan perumahan pada peringkat Persekutuan, negeri dan menjadi pemangkin penyediaan rumah yang sistematik serta menyeluruh untuk pembangunan

perbandaran berdaya maju dari segi ekonomi.

Turut menjadi objektif dasar itu ialah membantu kerajaan dan swasta menyediakan perumahan untuk setiap lapisan masyarakat, akses isi rumah kepada perumahan menerusi pemilikan dan sewaan serta penyelenggaraan berkualiti.

Serentak pengenalan dasar baharu itu, Perbadanan PRIMA Malaysia, Program Perumahan Penjawat Malaysia (PPAM) dan Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) kini diletakkan di bawah KPKT untuk menyelaraskan pembinaan rumah oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

Buat kali pertama, sebuah akta baharu dinamakan Akta Sewaan Kediaman juga akan digubal bagi melindungi kepentingan pemilik rumah dan penyewa, selain mengatasi isu diskriminasi kaum ber-

hubung pembelian dan penyewaan rumah, yang dijangka turut menyentuh mengenai kuota perumahan Bumiputera.

Zuraida berkata, akta itu menggunakan model di Australia dan Scotland, namun tidak mengulas lanjut berhubung kuota perumahan Bumiputera.

DRN juga menetapkan semua projek baharu perumahan awam dan swasta akan diwajibkan mendapat Sijil Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan Bangunan (QLASSIC), selain memastikan peralihan daripada sistem Jual-Kemudian-Bina (JKB) ketika ini kepada Bina-Kemudian-Jual (BKJ) terlaksana.

Garis panduan tahap kemampuan pemilihan dan penyewaan rumah juga akan diwujudkan dengan mengambil kira pendapatan penduduk, selain laporan penilaian mengenainya akan diterbitkan setiap dua tahun.

Reaksi



Melalui DRMM, golongan seperti saya yang memiliki pendapatan tidak menentu sebagai peniaga, berpeluang memiliki rumah sendiri "

Ani Mat Zin,
Peniaga warung



DRMM adalah pendekatan amat bagus dan saya berharap ia akan memberi peluang penduduk di negara ini hidup lebih selesa "

A Shanti,
Suri rumah



Pelaksanaan DRMM dapat membantu meringankan beban rakyat kerana kos perumahan kini amat tinggi "

Rosmawati Sulung,
Kakitangan hotel



Saya berharap pelaksanaan DRMM akan berterusan bagi membantu golongan B40 supaya nasib kami terus terbelah "

Nor Azrina Abdullah,
Pekerja swasta